

PARLIMEN MALAYSIA  
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN** : Lisan  
**DARIPADA** : YB Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [ Parit ]  
**TARIKH** : 19 Jun 2014  
**SOALAN** : Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [ Parit ] minta  
**MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**  
menyatakan apakah tindakan Kementerian bagi memastikan  
negara tidak diancam oleh kekurangan bekalan makanan  
berikutan jangkaan fenomena El Nino dan kemarau panjang  
dari Jun hingga Disember.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Fenomena El-Nino menyebabkan perubahan cuaca yang melibatkan berlakunya kemarau, peningkatan suhu dan perubahan pola hujan yang memberi impak kepada pengeluaran makanan disebabkan kebergantungan sektor pertanian kepada cuaca. Kementerian dan agensi-agensinya yang berkaitan telah memainkan peranan dan mengambil inisiatif dalam menjamin bekalan makanan asas rakyat jika fenomena El-Nino yang dijangka melanda negara kita.

Bagi tanaman padi, setiap agensi yang berkaitan termasuk Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan Bahagian Industri Padi dan Beras, Kementerian akan memberi fokus dengan mengenal pasti kawasan-kawasan yang akan terlibat dengan penanaman padi yang memerlukan air semasa berlakunya fenomena El-Nino dan mendapatkan maklumat terperinci seperti jadual penanaman padi bermula dan jumlah air yang diperlukan bagi kawasan berkenaan.

Bagi memastikan makanan beras yang merupakan makanan ruji rakyat Malaysia sentiasa terjamin, stok penimbal beras negara yang ditetapkan pada tahap 292,000 tan metrik akan dapat memenuhi keperluan beras dalam negara bagi jangka masa pendek iaitu selama 45 hari. Namun begitu, jika mengambil kira pegangan semua stok beras yang melibatkan pegangan stok penimbal, BERNAS, pemborong dan pengilang-pengilang dalam satu-satu masa, jumlah beras dalam negara dianggarkan melebihi 700,000 tan metrik. Jumlah ini mampu menampung keperluan beras dalam negara untuk tempoh 4 hingga 5 bulan.

Memandangkan keperluan bekalan air bagi tanaman sayuran di kawasan Cameron Highland adalah menggunakan sumber air bukit, pihak Jabatan Pertanian Malaysia akan mengawasi keperluan air di kawasan tersebut bagi mengelakkan tanaman sayuran terjejas.

Bagi sektor penternakan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar akan meminta penternak ruminan untuk menyimpan stok pengeluaran ruminan bagi memenuhi permintaan yang tinggi terhadap bekalan ayam dan daging terutamanya menjelang musim perayaan yang akan tiba.

El-Nino akan memberikan kesan terhadap aktiviti perikanan di kawasan air tawar serta keadaan jerebu menyebabkan para nelayan tidak dapat ke laut. Justeru, Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) akan menambahkan bekalan secara import dan bekalan stok yang berlebihan pada masa ini akan disejukkbeku untuk memenuhi keperluan semasa El-Nino.

Di samping itu, beberapa langkah jangka pendek dan jangka panjang telah, sedang dan akan diambil bagi menangani kesan El-Nino dan bagi mengelak krisis sumber makanan. Antara langkah jangka pendek yang diambil adalah dengan mempertingkatkan amalan kultur dan pengurusan tanaman yang baik dan strategik seperti penggunaan sungkupan, pengairan titis dan pemangkasan dahan/ daun berlebihan serta konservasi penggunaan air termasuk penyelenggaraan berkala bagi sistem saliran air.

Penyediaan peruntukan untuk perolehan pam-pam bergerak untuk membantu para petani menambah bekalan air serta mengitar semula air dari parit-parit saluran juga merupakan antara langkah yang dilaksanakan. Di samping itu, pengenalpastian lokasi untuk pembinaan telaga-telaga air bumi sebagai sumber air alternatif turut giat dijalankan.

Beberapa langkah jangka panjang turut diberi perhatian terutamanya berkaitan dengan pengurusan air. Antara langkah jangka panjang merangkumi perancangan teknologi pemuliharaan/ simpanan air, pengurusan sumber air dan sumber air baru serta infrastruktur dan pengurusan keupayaan guna air. Sementara itu, pembangunan varieti tanaman yang tahan kepada kemarau bagi tanaman utama turut dijalankan.

Kerajaan telah mengambil langkah-langkah bagi meminimumkan kemungkinan kenaikan harga barang akibat fenomena El-Nino.

- (i) Bagi sektor tanaman padi, buah-buahan, sayur-sayuran, ternakan dan perikanan, semua agensi yang berkaitan telah diarah untuk membuat persediaan segera termasuk berbincang dengan *stakeholder* untuk menambah keperluan import bekalan makanan seperti beras, buah-buahan, sayur-sayuran, ayam, daging dan ikan;
- (ii) Aktiviti import perlu dirancang dan dilaksanakan segera bagi memastikan barangan tersebut boleh dibeli pada harga yang berpatutan dengan negara pengimport memandangkan negara-negara seperti Indonesia, Brunei dan Singapura turut dijangka mengalami fenomena El-Nino;
- (iii) Penjadualan semula tanaman padi dilakukan untuk tujuan kemasukan air ke kawasan bertanam bagi meminimumkan kesan El-Nino terhadap hasil pengeluaran padi;
- (iv) Satu pelan induk (*master plan*) sedang disediakan untuk membina telaga tiub di kawasan yang belum mempunyai pengairan terutamanya di kawasan luar jelapang dan di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) bagi memastikan air dapat disalurkan ke kawasan sawah setiap kali tiba musim kering;

- (v) Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Perikanan Malaysia akan mengingatkan penternak ruminan, penternak ikan dan nelayan untuk mula menyimpan stok bekalan sebagai persediaan menghadapi fenomena El-Nino; dan
- (vi) Jabatan Pertanian Malaysia juga mengenal pasti dan mengumpul maklumat mengenai kawasan tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran yang akan terjejas disebabkan sumber air yang tidak mencukupi.

**NO. SOALAN: 87**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN DR. AZMAN BIN ISMAIL  
[ KUALA KEDAH ]**

**TARIKH : 19 JUN 2014**

**RUJUKAN : 6923**

**SOALAN:**

**Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ] minta MENTERI DALAM  
NEGERI menyatakan atas sebab apa karya ulung saintis Charles  
Darwin "*The Origin of the Species*" diharamkan.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian Dalam Negeri tidak pernah mengenakan Perintah Larangan (pengharaman) terhadap penerbitan asal karya Charles Darwin bertajuk “The Origin of Species” .**

**Namun demikian, Kementerian telah mengenakan tindakan di bawah Perintah Mesin Cetak dan Penerbitan (Kawalan Hasil Penerbitan Tak Diingini) mengikut Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 kepada penerbitan bertajuk “The Origin of Species - Asal-usul Spesies” terjemahan F. Susilohardo dan Basuku Hernowo (diterbitkan di Indonesia) pada 21 Disember 2006 kerana memudaratkan ketenteraman awam.**

**Berdasarkan pandangan dan perakuan Jawatankuasa Penapisan Bahan-bahan Penerbitan Berunsur Islam, Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia, buku terjemahan tersebut memberi gambaran mengenai asal-usul penciptaan mahluk yang bertentangan dengan ajaran Islam dan didapati bercanggah dengan Garis Panduan Penapisan Bahan-bahan Berunsur Islam serta pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menjadi amalan umat Islam di negara ini.**